

BANK ISLAM UMUM PELETAKAN JAWATAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

KUALA LUMPUR, Jumaat, [24 Oktober 2025]: Lembaga Pengarah Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) hari ini mengumumkan bahawa Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GCEO), Dato' Mohd Muazzam Mohamed, telah mengambil keputusan untuk meletakkan jawatannya setelah lebih 10 tahun berkhidmat dengan penuh dedikasi, termasuk tujuh tahun sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.

Peletakan jawatan Dato' Mohd Muazzam akan berkuat kuasa pada 7 Januari 2026 dan hari terakhir perkhidmatan beliau di Bank Islam ialah 12 Disember 2025. Berikutan itu, mulai 13 Disember 2025, Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Perbankan Runcit Bank Islam, Mizan Masram akan memainkan peranan sebagai pegawai yang bertanggungjawab ke atas Kumpulan bagi memastikan peralihan yang lancar. Dato' Mohd Muazzam akan menjalani tempoh notis dan terus memberikan sokongan kepada Mizan bagi memastikan kelancaran proses peralihan tersebut.

Sejak memegang jawatan sebagai GCEO pada tahun 2018, Dato' Mohd Muazzam telah menerajui Bank Islam melalui fasa transformasi digital dan pertumbuhan yang penting dengan merombak semula perkhidmatan menyeluruh Bank Islam dengan mengintegrasikan teknologi bersama prinsip kewangan Islam. Beliau memimpin strategi transformasi digital Kumpulan, termasuk pelaksanaan inisiatif pembayaran elektronik dan pelancaran Be U, aplikasi perbankan mudah alih berasaskan awan yang pertama di negara ini. Transformasi digital ini telah memperkukuh daya tahan perniagaan, sekali gus mengubah cara Bank Islam berkhidmat kepada para pelanggan.

Dato' Mohd Muazzam turut memainkan peranan penting dalam hala tuju strategik, pengurusan lembaran imbalan dan modal serta kedudukan pasaran Kumpulan. Beliau mengetuai penstrukturan semula Kumpulan yang besar pada Oktober 2021, yang mana Bank Islam mengambil alih status penyenaraian daripada kumpulan induknya dan menjadi satu-satunya bank Islam yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia.

Kumpulan telah diiktiraf sebagai salah satu daripada 50 Syarikat Tersenarai Awam ASEAN Terbaik di bawah Penilaian Serantau Skor Kad Tadbir Urus Korporat ASEAN semasa acara Anugerah Tadbir Urus Korporat ASEAN yang berlangsung pada Ogos tahun ini. Hari ini, Kumpulan memiliki jumlah aset melebihi RM100 bilion, meningkat daripada RM64 bilion pada tahun 2018, sekali gus menunjukkan kedudukan modal yang kukuh dan daya tahan kewangan yang berterusan.

Dalam mengumumkan keputusannya, Dato' Mohd Muazzam berkata, "Pengalaman berkhidmat di Bank Islam merupakan satu penghormatan besar bagi saya. Selepas tujuh tahun sebagai GCEO, saya percaya ini adalah masa yang sesuai untuk saya berundur dan memberi tumpuan kepada matlamat peribadi. Saya amat berterima kasih atas kepercayaan dan sokongan yang telah saya terima daripada Lembaga Pengarah, pengurusan, dan semua rakan kerja di Bank Islam."

Bagi pihak Lembaga Pengarah, Tan Sri Dr Ismail Haji Bakar, Pengerusi Bank Islam berkata, "Dato' Mohd Muazzam telah memainkan peranan penting dalam membentuk Bank Islam menjadi sebuah institusi yang kukuh dan berdaya tahan seperti yang dicapai pada ketika ini. Mewakili Lembaga Pengarah, kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas khidmat dan mendoakan kejayaan dalam segala usaha masa hadapan beliau."

Lembaga Pengarah Bank Islam telah memulakan proses pencarian rasmi untuk mengenal pasti pengganti yang sesuai bagi menerajui Kumpulan ke fasa pertumbuhan seterusnya. Pengumuman mengenai GCEO baharu akan dibuat setelah memperoleh kelulusan pihak kawal selia.

-TAMAT-

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap

kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.